

06 MAR 2004

Pilihan Raya-Hadiah (Mahathir)

KEMENANGAN BESAR BN KEDAH HADIAH TERBAIK: MAHATHIR

ALOR STAR, 6 Mac (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata hadiah terbaik yang boleh diberikan kepadanya oleh anggota parti komponen Barisan Nasional (BN) Kedah ialah dengan memastikan kemenangan besar dicapai pada pilihan raya umum ke-11 nanti.

Penasihat Pilihan Raya BN Kedah itu berkata itulah tanda terima kasih terbaik yang boleh diberikan kepadanya setelah mentadbir negara ini dengan membawa pelbagai pembangunan selama 22 tahun.

"Itulah hadiah yang saya minta," kata bekas Perdana Menteri pada majlis perjumpaan jentera pilihan raya BN Kedah di Bangunan Tunku di sini.

Beliau berkata BN diyakini mampu menang besar di Kedah tetapi mestilah mengeneppikan sebarang pertelingkahan dalaman.

"Tiada sebab BN patut kalah di Kedah, saya mahu Kedah jadi macam Johor yang mana PAS langsung tiada tempat di negeri itu. Itu yang saya mahu lihat di negeri ini," katanya.

Katanya, BN Kedah mesti menebus kembali maruah dengan menawan kembali kerusi-kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen yang jatuh ke tangan pembangkang pada pilihan raya umum 1999 lepas.

Pada 1999 lepas, BN menang di 24 daripada 36 kerusi DUN dan tujuh daripada 8 kerusi Parlimen. BN Kedah hilang majoriti dua pertiga DUN apabila tewas pada pilihan raya kecil DUN Lunas kepada Keadilan setahun kemudian.

BN memenangi kerusi Parlimen Pendang dan PAS mengekalkan kerusi DUN Anak Bukit pada pilihan raya kecil yang diadakan pada 2002.

Dr Mahathir berkata beliau berasa malu dengan prestasi BN Kedah pada pilihan raya 1999 lepas dan tidak tahu bagaimana mahu menjawab apabila orang bertanyakan keadaan Kedah.

"Orang banyak tanya saya keadaan Kedah, saya jadi serba salah. Nak kata menang tak berani, nak kata kalah pun tak berani," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata beliau menyokong kepimpinan Perdana

Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi asalkan apa yang dibuat
oleh
Abdullah baik untuk negara.

-- BERNAMA

MAN MOZ